

Program Ziarah Siswa 2012

Hal Ehwal Pelajar

Telah Dihantar: 03 September 2012 17:07

Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students

Sk: Datuk Dr. Ahmad Faiz B Hj Abd Hamid; Prof. Madya Dr. Mohd Amy Azhar b. Hj. Mohd Harif



Jabatan Hal Ehwal Pelajar
STUDENT AFFAIRS DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia




"HEP 1 TRANSFORMASI"

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

3 SEPTEMBER 2012, ISNIN | 16 SYAWAL 1433H

HEPA ONLINE -



HEP ONLINE: Sempena Perayaan Aidilfitri, Bahagian Khidmat Siswa, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) telah mengadakan Program Ziarah Siswa 2012. Program ini merupakan inisiatif JHEP untuk melawat keluarga pelajar yang telah meninggal dunia semasa pengajian di UUM bermula tahun 2011 hingga tahun 2012. Sebanyak 12 keluarga telah dilawati dan sumbangan berupa hamper perayaan serta wang tunai diserahkan oleh wakil JHEP sebagai sebahagian daripada tanggungjawab dan keprihatinan JHEP dalam menjaga kebajikan pelajar.

Program seperti ini juga akan dijadikan sebagai program tahunan JHEP dengan harapan ia dapat mengurangkan kesedihan keluarga menyambut Aidilfitri tanpa kehadiran orang tersayang.

Disamping itu, wakil JHEP turut melawat Che Amirul Ashraf Che Mat yang merupakan bakal pelajar UUM pada masa itu. Beliau yang pada mulanya berat hati untuk meneruskan pengajian disebabkan kesusahan keluarga menjadi lebih bersemangat setelah menerima dorongan dari pelbagai pihak. Beliau kini telah mendaftar sebagai pelajar UUM pada 3 September 2012.

Daripada
Unit Penyelidikan, Kualiti dan Dokumentasi
Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
Tel : 04 - 928
Faks : 04 - 928 3216
Emel : hep@uum.edu.my